

**Anggota Umno Kedah Yang Ingin Bertanding Perlu Daftar Pada 7 Sept
Bernama
4 Ogos, 2013**

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Anggota Umno di Kedah yang ingin menawarkan diri untuk bertanding jawatan parti perlu mendaftar nama di Pejabat Perhubungan Umno Kedah pada 7 Sept ini, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Beliau berkata mereka yang tidak mendaftar pada tarikh itu, tidak layak bertanding sebarang jawatan di peringkat bahagian, majlis tertinggi atau pusat.

"Saya menasihatkan mereka yang ingin bertanding agar 'menjual' jenama sendiri, jangan sekali-kali membuat fitnah, memburuk atau memperlekeh calon-calon lain.

"Kalau rasa diri mampu memberi khidmat, bertandinglah dalam suasana kekeluargaan. Umno mahu demokrasi terus subur dalam parti," katanya apabila diminta mengulas mengenai perkembangan mesyuarat cawangan di Kedah yang bermula 15 Julai lepas.

Ahmad Bashah yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yakin mesyuarat semua cawangan di Kedah dapat diselesaikan sebelum 31 Ogos.

Cawangan yang mahu membuat penangguhan mesyuarat boleh membuat permohonan bertulis berserta alasan kukuh kepada Ibu Pejabat Parti di Kuala Lumpur, katanya dan menambah mesyuarat cawangan di Kedah berjalan lancar setakat ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968221>